

NO. SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

SOALAN :

YB. Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan pelancongan dalam memperkasakan daerah Tenom sebagai potensi industri pelancongan di peringkat antarabangsa serta berapa jumlah pelancong domestik dan luar negara yang melawat daerah Tenom pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan tujuh bulan pertama tahun 2017.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ketibaan pelawat ke negeri Sabah adalah direkodkan di pintu masuk utama negeri ini dan ianya tidak direkodkan mengikut daerah. Mengikut sumber daripada Lembaga Pelancongan Sabah (*Sabah Tourism Board - STB*), ketibaan pelawat antarabangsa dan domestik ke negeri Sabah daripada tahun 2013 hingga 2016 mencatatkan kenaikan yang positif iaitu sebanyak 1.3%. Pecahan kedatangan pelawat adalah seperti berikut:

Jumlah Pelawat	Tahun			
	2013	2014	2015	2016
Antarabangsa	1,089,320	996,522	978,426	1,128,776
Domestik	2,293,923	2,234,123	2,197,800	2,299,132
Jumlah Besar	3,383,243	3,230,645	3,176,226	3,427,908

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Daerah Tenom mempunyai Taman Pertanian Sabah di Lagud Seberang yang merupakan pusat tarikan pelancong utama bagi daerah ini. Selain itu, Daerah Tenom juga mempunyai banyak produk pelancongan sampingan yang menjadi produk sokongan kepada Taman Pertanian Sabah ini. Di antaranya ialah Pusat Kebudayaan Murut, aktiviti *White Water Rafting* di Sungai Padas, agro pelancongan seperti Padas Farm Stay yang turut menawarkan program *Voluntourism* yang telah berjaya

menarik ramai pelancong dari luar negara, terutama sekali dari United Kingdom. Selain daripada itu, produk agropelancongan di daerah Tenom turut diketengahkan melalui tarikan berasaskan kopi yang ditawarkan oleh kilang kopi tempatan seperti Kilang Kopi Fatt Choi dan Kilang Kopi Yit Foh.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia – TM*) sentiasa menjalankan usaha-usaha mempromosi produk pelancongan kepada pelancong dalam dan luar negara secara konsisten. Bagi daerah Tenom, pendekatan strategik yang diambil dan dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. **Lawatan Suai Kenal**

TM dengan kerjasama *Sabah Tourist Association (STA)* telah menjemput agensi-agensi pelancongan, syarikat-syarikat korporat dan media untuk menyertai lawatan suai kenal bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan, acara-acara tempatan dan kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Daerah Tenom. Seramai 33 orang wakil daripada agensi pelancongan, syarikat korporat dan media telah menyertai lawatan ini.

Tambahan lagi, Daerah Tenom juga telah dipromosikan sebagai salah satu destinasi untuk Program Garisan Landasan Sabah yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS) yang mana seramai 120 peserta dari dalam dan luar negara telah menyertai program tersebut sepanjang tahun 2015 dan 2016. Melalui program tersebut, Daerah Tenom dipromosikan

sebagai salah satu destinasi yang unik dari segi seni dan kebudayaan. Antara produk pelancongan yang dilawati adalah Kilang Kopi Fatt Choi, Ladang Limau Bali dan Taman Pertanian Tenom.

ii. **Bantuan Acara-Acara Promosi Negeri**

Bagi acara-acara lain di Sabah, aktiviti promosi diterajui oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui STB, namun demikian, TM turut membantu dalam mempromosikan acara Pesta Kalimantan melalui pembangunan pakej pelancongan, bahan-bahan kolateral, hebahan melalui media cetak, sosial dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.